

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: SoIS - Pusat Pengajian Antarabangsa
Sent: Monday, October 8, 2018 10:29 AM
To: UUM - All Staff
Subject: YOGYAKARTA MENJADI SALAH SATU DESTINASI TERBAIK PASARAN PROGRAM PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA (SOIS) DI INDONESIA

DARIPADA:
PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA
UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04 - 9288451 ☎ 04 - 9288470
✉ sois@uum.edu.my ✉ sois.uum.edu.my



8 OKTOBER 2018 / 28 MUHARAM 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



SoIS ONLINE – Yogyakarta bukan sahaja lokasi pelancongan yang terkenal dengan budaya keraton namun Yogyakarta juga boleh digunakan untuk melebarkan pasaran Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) bagi program-program Siswazah. Buat masa ini kerjasama dengan wilayah Yogyakarta hanya melibatkan program mobiliti (inbound & outbound) melalui Universitas Muhamadiyah Yogyakarta (UMY) yang telah berlangsung sejak sekian lama. Perbincangan yang diadakan di antara kedua pihak pada 2 Oktober 2018 telah membuka ruang dan peluang baru yang boleh diterokai untuk pembentukan kerjasama dua hala di antara SoIS dengan UMY. Tidak hairanlah sehingga kini SoIS merupakan destinasi lokasi mobiliti daripada pelajar UMY dan hubungan ini boleh diteruskan lagi melalui pengisian aktiviti lain yang akan memberikan faedah kepada kedua belah pihak. Menurut Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Bin Othman, Dekan SoIS menganggap pertemuan ini adalah peluang yang perlu digunakan dengan sepenuhnya bagi membuka pasaran program SoIS di Indonesia.

Perbincangan yang melibatkan Pengurusan SoS dan pihak UMY daripada Fakultas Sains Politik yang diwakili oleh Dekan iaitu Erni Zuhriyati, S.IP.,M.Si, dan beberapa orang pensyarah iaitu Eko Priyo Purnomo, M.Res., M.Si.,Ph.D, Dr. Titin Purwaningsih, M.Si dan Husni Amriyanto Putra, M.Si. dalam perbincangan yang dibuat terdapat beberapa kerjasama yang boleh dimanfaatkan antaranya adalah Memorandum Perjanjian di antara SoS dengan Fakultas Sains Politik melibatkan aktiviti kerjasama dalam penyeliaan Sarjana dan Ph.D, *Matching Grant*, Felo Pelawat UMY-UUM, pertukaran kakitangan, kerjasama penerbitan dan penganjuran seminar secara bersama.

Habis



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.